



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan pada 1 April 2011 mempelawa warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan bagi mengisi kekosongan jawatan di Suruhanjaya ini.

PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N32

Skim Perkhidmatan	:	Penolong Pegawai Tadbir
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Pentadbiran Dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Gred Gaji	:	N32
Taraf Jawatan	:	Tetap
Jadual Gaji (Min - Max)	:	RM2,844.00 – RM6,256.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM155.00
Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	:	RM160.00
Imbuan Tetap Perumahan (ITP)	:	RM300.00
Bantuan Sara Hidup (BSH)	:	RM350.00
Jumlah Kekosongan	:	1 jawatan

SYARAT LANTIKAN

- (a)
 - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - (iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (c) Mempunyai tempoh **pengalaman yang relevan sekurang-kurangnya lapan (8) tahun** dalam bidang berkaitan.

DISKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab merancang dan menguruskan tugas-tugas yang berkaitan pengurusan dan pentadbiran pejabat, pengurusan stor dan aset, pengurusan majlis rasmi, pembangunan kompetensi dan perkhidmatan personel.

CARA MEMOHON

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Permohonan Jawatan EAIC** yang boleh dimuat turun di laman web EAIC di www.eaic.gov.my;
2. Semua permohonan hendaklah disertakan gambar terbaharu dan salinan Resume, sijil-sijil, salinan Surat Beranak dan Salinan Kad Pengenalan yang **telah disahkan**;
3. Permohonan hendaklah mencatatkan jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat; dan
4. Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan dengan mengemukakan salinan buku perkhidmatan dan salinan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 3 tahun terakhir (2017, 2018 dan 2019).

Permohonan hendaklah dihantar kepada:

**SETIAUSAHA
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
NO.18, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA
(U.P: SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

Sekiranya tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan, permohonan dianggap tidak berjaya.